

HEGEMONI SOSIOBUDAYA DALAM NOVEL TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK KARYA BUYA HAMKA

Sociocultural Hegemony in the Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck by Buya Hamka

Fathin Noor Ain Ramli^{1*} & Azhar Wahid²

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
¹fathin.noor@uum.edu.my* & ²azhar@fbk.upsi.edu.my

*Penulis koresponden

Diterima: 25 Ogos Sept 2025; **Disemak semula:** 04 Okt 2025; **Diterima:** 06 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2025). Hegemoni Sosiobudaya dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Buya Hamka. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 113-125. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.10.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.10.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti manifestasi hegemoni sosiobudaya dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW) karya Buya Hamka dengan memberi fokus kepada peranan adat Minangkabau khususnya Adat Perpatih sebagai sistem kuasa yang mengawal nasib dan kebahagiaan individu. Persoalan bagaimana adat yang sepatutnya berfungsi sebagai panduan hidup telah diangkat menjadi kuasa mutlak sehingga menindas hak individu, seperti yang dialami oleh Zainuddin yang ditolak sebagai calon suami kerana statusnya “tidak bersuku” dan Hayati yang terpaksa tunduk kepada keputusan mamak walaupun bercanggah dengan kehendak peribadi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks dan analisis kandungan terhadap edisi novel TKVDW terbitan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. disokong oleh sorotan literatur berkaitan Teori Hegemoni Antonio Gramsci, budaya Minangkabau dan kajian terdahulu. Kerangka hegemoni Gramsci diaplikasikan untuk memahami bagaimana dominasi ideologi adat ditonjolkan melalui institusi keluarga, struktur kekerabatan matrilineal, autoriti mamak dan amalan musyawarah sehingga diterima sebagai akal budi bersama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa adat berfungsi sebagai ideologi hegemoni yang menentukan “siapa layak” dan “siapa tidak layak” dalam ruang sosial khususnya dalam institusi perkahwinan dan identiti suku. Kesimpulannya, novel TKVDW bukan sekadar kisah cinta tragis tetapi sebuah teks kritik sosial yang memperlihatkan bagaimana hegemoni budaya diamalkan secara halus dan menyeru pembaca menilai semula hubungan antara adat, keadilan dan kemanusiaan.

Kata kunci: Hegemoni, sosiobudaya, identiti, budaya, Hamka

ABSTRACT

This study aims to examine the manifestation of sociocultural hegemony in the novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW) by Buya Hamka, focusing on the role of Minangkabau customs, particularly Adat Perpatih as a system of power that governs individual fate and happiness. It explores how customs that are meant to serve as a guide for life have been elevated into an absolute authority that suppresses individual rights, as experienced by Zainuddin, who is rejected as a suitor due to his status as “not belonging to a tribe,” and by Hayati, who is compelled to submit to the decisions of her mamak despite her personal desires. This study employs a qualitative approach using textual and content analysis of the TKVDW edition published by PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. (2015), supported by a literature review on Antonio Gramsci’s theory of hegemony, Minangkabau culture, and previous studies. Gramsci’s hegemonic framework is

applied to understand how ideological domination operates through the family institution, matrilineal kinship structure, the authority of mamak, and deliberative practices (musyawarah) until it is accepted as common sense. The findings show that customary law functions as a hegemonic ideology that determines "who is worthy" and "who is unworthy" within the social sphere, particularly in marriage institutions and tribal identity. In conclusion, TKVDW is not merely a tragic love story but a work of social critique that reveals how cultural hegemony operates subtly and urges readers to reconsider the relationship between tradition, justice, and humanity.

Keywords: hegemony, sociocultural, identity, culture, Hamka

PENGENALAN

Novel *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* (TKVDW) adalah sebuah mahakarya sastra yang dihasilkan oleh ulama dan sasterawan profilik iaitu Buya Hamka atau nama sebenar beliau Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Karya ini bukan sekadar sebuah kisah cinta yang menyentuh perasaan tetapi juga cerminan tajam mengenai pertembungan sosiobudaya yang berlaku di Nusantara pada era 1930-an. Pada ketika ini, masyarakat sedang melalui transisi dari sistem kehidupan tradisional yang berpegang teguh pada adat kebiasaan menuju era moden yang membawa idealisme individu, pendidikan dan perubahan sosial. Novel ini menonjolkan konflik antara adat Minangkabau yang sarat dengan aspirasi dan perasaan watak-watak khususnya Zainuddin dan Hayati. Hamka menggunakan naratif percintaan tragis mereka untuk membedah isu-isu yang lebih besar seperti hierarki sosial, peranan jantina dan kekuasaan tradisi dalam membentuk nasib seseorang. Zaman ini menyaksikan pertembungan sengit antara sistem adat tradisional yang berakar umbi dengan gelombang pemodenan dan idealisme individu yang semakin berkembang.

Menurut Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Noor Syamshida Massa (2022), sebuah karya sastra memiliki nilai estetika yang halus, indah serta mampu mengungkapkan idea dan buah fikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang malahan buah fikiran yang disampaikan bukan sekadar imaginasi yang lahir daripada naluri penulis sebaliknya mempunyai unsur pemikiran yang sarat dengan ilmu. Novel *TKVDW* menonjolkan bagaimana nilai-nilai dan norma-norma yang diwarisi terutamanya yang berkaitan dengan adat perkahwinan dan hierarki sosial bertindak sebagai kuasa dominan yang tidak kelihatan. Kuasa ini bukan sahaja mengawal tingkah laku watak tetapi juga membentuk pandangan dunia dan nasib mereka. Meskipun novel ini sering ditafsirkan sebagai kritikan terhadap kekakuan adat yang gagal beradaptasi, analisis yang lebih mendalam menunjukkan bahawa karya ini menggambarkan fenomena hegemoni sosiobudaya. Konsep ini yang dipopularkan oleh ahli falsafah Antonio Gramsci menerangkan bagaimana satu kelompok sosial mengekalkan dominasi bukan melalui kekerasan atau paksaan undang-undang tetapi melalui penyebaran ideologi, nilai dan norma mereka sehingga diterima secara sukarela sebagai akal budi bersama oleh masyarakat yang dikuasai. Berdasarkan konteks novel ini, adat Minangkabau bertindak sebagai kuasa hegemoni yang berkesan di mana adat Minangkabau diterima sebagai sesuatu yang suci, tidak boleh dicabar dan mutlak oleh majoriti watak yang akhirnya membawa kepada tragedi.

Bagi Harozila Ramli (2024), budaya berkaitan dengan akal merujuk kepada kecerdasan dan kekuatan dalam mengatasi masalah. Budaya memberi identiti kepada sesuatu kumpulan dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Konsep budaya merujuk kepada keseluruhan cara hidup sesuatu masyarakat yang merangkumi nilai, kepercayaan, adat resam, bahasa, seni, sistem sosial dan amalan harian yang diwarisi secara turun-temurun. Budaya bukan sahaja melibatkan aspek fizikal seperti pakaian, makanan dan seni bina tetapi juga aspek bukan fizikal seperti norma sosial, sistem kepercayaan dan cara berfikir. Menurut Nur Nadia Lukmanulhakim (2020), identiti nasional berperanan besar dalam mewujudkan rasa kepunyaan sesebuah masyarakat ke atas sesebuah negara. Budaya Melayu sebagai contohnya sangat dipengaruhi oleh unsur Islam, adat istiadat dan nilai kekeluargaan. Elemen ini menjadi asas kepada pembentukan jati diri masyarakat dan memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian sosial. Namun begitu, budaya bukanlah sesuatu yang statik kerana budaya sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran zaman.

Proses modenisasi dan globalisasi telah mempercepatkan perubahan budaya di mana elemen-elemen luar mula masuk dan mempengaruhi cara hidup masyarakat tempatan. Menurut Norsaliza Mohd Shuhaini dan Azhar Wahid (2020), zaman silam mencatatkan bahawa sejarah intelektual Melayu tidak pernah mengetepikan pimpinan para ulama, karyawan dan budaya silam dalam mempengaruhi arah pemikiran pimpinannya.

Selain itu, konsep identiti merujuk kepada ciri-ciri, nilai, dan kepercayaan yang membentuk jati diri seseorang individu atau kelompok masyarakat. Konsep ini juga merupakan konstruk sosial yang terbentuk melalui interaksi budaya, sejarah, agama, bahasa dan pengalaman hidup. Identiti bukan sahaja menentukan bagaimana seseorang melihat dirinya sendiri tetapi juga bagaimana dia dikenali dan diterima oleh masyarakat sekeliling. Menurut Stuart Hall (1996), identiti bukanlah sesuatu yang tetap dan mutlak tetapi bersifat dinamik dan sentiasa berubah mengikut konteks sosial dan sejarah. Beliau menyatakan bahawa:

“Identities are never unified and, in late modern times, increasingly fragmented and fractured; never singular but multiply constructed across different, often intersecting and antagonistic discourses, practices and positions.”

Berdasarkan konteks masyarakat Melayu, identiti sering dikaitkan dengan nilai-nilai tradisional seperti agama Islam, adat resam, bahasa Melayu dan institusi kekeluargaan. Identiti ini diwarisi secara turun-temurun dan menjadi asas kepada pembentukan jati diri kolektif. Namun, proses modenisasi dan globalisasi telah mencabar kesinambungan identiti ini dengan memperkenalkan elemen-elemen baharu yang kadangkala bertentangan dengan nilai asal.

Masyarakat Minangkabau dalam novel *TKVDW* digambarkan sebagai masyarakat yang terperangkap dalam hegemoni adat. Walaupun adat seharusnya menjadi panduan namun begitu adat tersebut telah diangkat ke tahap kuasa mutlak yang menindas. Pernyataan masalah utama dalam kajian ini adalah untuk memahami bagaimana hegemoni adat ini beroperasi untuk mengawal kebahagiaan dan nasib individu serta mengapa watak-watak seperti Hayati rela tunduk kepada sistem ini walaupun hal tersebut bertentangan dengan perasaan dan kehendak mereka. Watak utama, iaitu Zainuddin telah ditolak hanya kerana statusnya yang tidak bersuku dan merupakan manifestasi jelas dominasi adat dengan mengabaikan nilai-nilai peribadi seperti cinta dan kesetiaan. Masalah ini mencerminkan konflik mendalam antara nilai-nilai kolektif yang dipertahankan oleh hegemoni adat dengan hak-hak individu untuk memilih jalan hidup mereka sendiri yang pada akhirnya membawa kepada kesengsaraan dan kematian.

SOROTAN LITERATUR

Kajian bertajuk *Hegemoni dan Rintangan: Institusionalisasi Kesatuan Sekerja di Malaysia* oleh Shamsul Azri Mohd Radzi dan Faridah Jaafar (2025) mengaplikasikan kerangka teori hegemoni Antonio Gramsci untuk meneliti bagaimana kesatuan sekerja di Malaysia telah melalui proses pembangunan yang kompleks sejak era kolonial hingga ke zaman pascakemerdekaan. Kajian ini mengenal pasti tiga fasa utama dalam pembentukan dan pengawalan kesatuan sekerja iaitu fasa pertama, zaman kolonial British yang memperkenalkan sistem kawalan buruh berasaskan kaum; kedua, tempoh Darurat (1948–1960) yang menyaksikan pengukuhan kawalan melalui perundangan dan penindasan terhadap gerakan buruh; dan ketiga, era pascamerdeka yang menyaksikan integrasi kesatuan ke dalam struktur pembangunan negara. Melalui mekanisme hegemonik seperti birokrasi, undang-undang dan manipulasi ideologi, negara berjaya menghadkan potensi kesatuan sebagai agen perubahan sosial. Walau bagaimanapun, kajian ini turut menyorot bentuk-bentuk rintangan yang wujud dalam kalangan pekerja sama ada melalui konfrontasi langsung mahupun ekspresi budaya yang menuntut pengiktirafan terhadap maruah dan hak pekerja. Kesimpulannya, kajian ini buruh serta menjejaskan keberkesanan representasi pekerja dalam sistem semasa sekali gus memperkukuh kedudukan hegemoni dalam struktur sosiopolitik Malaysia.

Seterusnya, kajian bertajuk *Menilai Semula Konsep Hegemoni dalam Budaya Politik Melayu* oleh Noor Sulastry Yurni Ahmad (2017) meneliti semula keberkesanan konsep hegemoni dalam menjelaskan budaya politik masyarakat Melayu khususnya melalui analisis terhadap teks *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*. Kajian ini mengenal pasti bahawa unsur waadat atau kontrak sosial yang terkandung dalam teks tersebut memainkan peranan penting dalam membentuk corak politik tradisional Melayu yang berasaskan kesetiaan dan kepatuhan kepada pemerintah. Namun, kesan konstruksi kolonial telah mengubah arah budaya politik ini daripada ketaatan kepada raja Melayu beralih kepada penjajah British dan seterusnya kepada pemimpin Melayu bukan aristokrat. Kajian ini mendapati bahawa konsep hegemoni sahaja tidak cukup untuk menjelaskan sifat ketaatan orang Melayu yang bersifat naluriah dan kolektif. Oleh itu, pendekatan konsep ketaatan semula jadi (*natural obedience*) digunakan untuk memahami kecenderungan masyarakat Melayu menerima kepemimpinan secara sukarela dan tidak dipaksakan. Konsep ini menunjukkan bahawa budaya politik Melayu terbentuk bukan semata-mata melalui dominasi ideologi tetapi juga melalui penerimaan yang berakar daripada tradisi, adat dan naluri sosial. Kajian ini menyimpulkan bahawa hegemoni dalam konteks politik Melayu perlu difahami sebagai satu proses yang melibatkan percampuran antara warisan budaya, pengaruh kolonial dan naluri kolektif masyarakat terhadap kepemimpinan.

Budaya Minangkabau adalah merupakan budaya yang sangat unik dan kaya dengan adat menyulami setiap inci kehidupan seharian masyarakat mereka. Budaya Minangkabau merupakan salah satu sistem budaya yang unik di Nusantara dan dikenali dengan sistem matrilineal di mana garis keturunan dan warisan harta diturunkan melalui pihak perempuan. Struktur sosial ini memberikan peranan yang signifikan kepada wanita dalam pengurusan keluarga dan adat berbeza daripada kebanyakan masyarakat Melayu lain yang bersifat patriarki. Bagi kajian oleh Ernawita Atan et al. (2021), aspek linguistik budaya Minangkabau turut dikaji melalui rekonstruksi fonem vokal purba yang menunjukkan kepelbagaian varian bahasa Minang di Sumatera dan Semenanjung Malaysia. Kajian ini membuktikan bahawa bahasa Minangkabau berkembang secara dinamik merentasi sempadan geopolitik dan mencerminkan kesinambungan budaya melalui bahasa.

Sementara itu, kajian oleh Fitri Rosalina Harahap dan Alemina Br Perangin-Angin (2025) menggunakan pendekatan analisis wacana kritis terhadap cerpen *Si Padang* karya Harris Effendi Thahar. Kajian ini menunjukkan bagaimana bahasa dalam karya sastera Minangkabau merepresentasikan hubungan kuasa, dominasi dan identiti budaya serta menggambarkan pergeseran nilai antara kehidupan desa dan kota dalam masyarakat Minang. Berdasarkan konteks kontemporari, budaya Minangkabau berdepan cabaran akibat pemudaran literasi budaya. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa bahasa digunakan untuk menonjolkan ketidakadilan yang dialami watak Mansur serta menggambarkan pergeseran nilai antara kehidupan desa dan kota. Walaupun kajian berjaya menunjukkan perkaitan antara wacana dan dinamika sosial, analisisnya masih cenderung deskriptif dan tidak sepenuhnya menampilkan mekanisme linguistik yang memperkukuh wacana dominasi. Penjelasan tentang perspektif penulis juga kurang analitis kerana tidak diperincikan berdasarkan bukti wacana yang jelas. Namun, kajian ini tetap signifikan kerana menegaskan bahawa karya sastera Minangkabau bukan sahaja menceritakan pengalaman individu tetapi juga mengangkat isu struktur sosial dan kuasa budaya yang mempengaruhi masyarakat secara lebih luas.

Kajian Manugeran, Priandana dan Suhadi (2023) merupakan antara penyelidikan penting yang secara langsung meneliti hegemoni dalam novel tersebut. Mereka mendapati bahawa adat Minangkabau bukan sahaja menjadi latar budaya, tetapi berperanan sebagai ideologi dominan yang mengatur haluan tindakan watak. Pemuka adat, struktur kekerabatan dan norma masyarakat tampil sebagai agen hegemoni yang mempengaruhi keputusan watak terutama Zainuddin yang dianggap “orang luar”. Kajian ini menunjukkan bahawa konflik utama novel sebenarnya bukan sekadar percintaan yang terhalang tetapi penindasan halus melalui kuasa budaya yang telah diinstitusikan. Seterusnya, kajian Ardianta (2024) menguatkan lagi pandangan ini dengan meneliti bagaimana adat Minangkabau mengawal perkembangan plot dan konflik. Beliau menegaskan bahawa watak-watak seperti Hayati dan Zainuddin beroperasi dalam ruang budaya yang telah ditentukan oleh adat di mana kuasa sosial dipaksa diterima sebagai kebenaran mutlak. Kedua-dua kajian ini memberikan asas kukuh bagi memahami bagaimana hegemoni adat dilestarikan dan diterima tanpa banyak tentangan.

Melalui perspektif sosiobudaya pula, beberapa kajian turut memperlihatkan bagaimana budaya dan nilai masyarakat Minangkabau berfungsi sebagai sistem kawalan sosial. Kajian oleh Nofita et al. (2024) meneliti unsur budaya dan kearifan lokal dalam novel melalui pendekatan antropologi sastera. Dapatan mereka menunjukkan bahawa adat seperti menjaga maruah suku, kedudukan perempuan dalam sistem matrilineal dan kepentingan status keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan konflik naratif. Berdasarkan konteks nilai sosial pula, Saifullah (2023) mengenal pasti pelbagai nilai seperti solidariti, keadilan dan tanggungjawab yang menjadi teras dalam masyarakat yang digambarkan Hamka. Walau bagaimanapun, nilai-nilai ini sering bertentangan dengan adat yang lebih rigid sehingga mencetuskan pertentangan antara moral kemanusiaan dan tekanan budaya. Simbolon (2022) turut membincangkan nilai agama dan moral dalam novel dan mendapati bahawa Hamka mengkritik secara halus adat yang menindas melalui penekanan terhadap nilai Islam yang lebih seimbang dan berperikemanusiaan.

Kajian-kajian yang lebih kritikal turut memberi perhatian kepada aspek kritik sosial dan fenomena penindasan budaya. Millatina et al. (2025), menerusi kajian berbentuk sosiologi sastera, mengemukakan lima bentuk kritik sosial yang jelas dalam novel iaitu diskriminasi ras dan suku, ketidakadilan gender, ketimpangan ekonomi, dominasi politik dan tekanan budaya. Mereka menegaskan bahawa novel ini tidak sekadar menggambarkan konflik interpersonal tetapi menjadi pentas bagi Hamka mempersoalkan struktur kuasa yang tidak adil dalam masyarakat Minangkabau. Sementara itu, Refira (2023) dalam kajian terhadap konflik novel sebagai cerminan pengalaman watak-watak yang berhadapan dilema antara tuntutan adat, agama dan keinginan individu. Kesemua kajian ini secara kolektif menegaskan bahawa wujud hubungan rapat antara budaya dan hegemoni di mana masyarakat menerima struktur sosial tertentu sebagai "normal" walaupun ianya menindas.

Secara keseluruhan, sorotan literatur sepanjang tahun 2020 hingga 2025 menunjukkan bahawa kajian tentang novel *TKVDW* bergerak ke arah memahami dominasi budaya secara lebih mendalam dan pelbagai dimensi. Namun, masih wujud jurang kajian iaitu kekurangan analisis yang menggabungkan seluruh aspek budaya dan adat, gender, kelas, agama serta identiti di bawah payung konsep hegemoni sosiobudaya sebagai suatu sistem kuasa yang menyeluruh. Penelitian ini hadir untuk merapatkan jurang tersebut dengan meneliti bagaimana hegemoni sosiobudaya beroperasi secara serentak dan saling melengkapi dalam membentuk naratif penindasan yang dialami watak-watak utama.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks untuk meneliti manifestasi hegemoni sosiobudaya dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW)* terbitan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 2015. Pendekatan ini membolehkan peneliti menelusuri secara mendalam struktur naratif, watak dan konflik sosial yang mencerminkan dominasi nilai budaya tertentu dalam masyarakat Minangkabau seperti yang digambarkan dalam teks. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti elemen-elemen hegemoni yang tersirat dalam teks termasuk aspek adat, gender, kelas sosial dan institusi kekeluargaan. Data kajian diperoleh daripada novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* terbitan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., manakala kajian-kajian terdahulu seperti artikel, jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan konsep hegemoni, budaya dan masyarakat Minangkabau digunakan sebagai rujukan untuk membantu memantapkan proses penelitian.


Pemilihan teks *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* edisi terbitan PTS (2015) dilakukan berdasarkan beberapa justifikasi ilmiah yang kukuh. Edisi ini dipilih kerana merupakan versi yang disunting secara profesional dan mengekalkan keaslian gaya bahasa serta konteks budaya karya asal Hamka, sekali gus memastikan ketepatan data analisis. Novel ini juga dianggap representatif kerana memaparkan masyarakat Minangkabau dengan sangat terperinci khususnya adat perpatih, struktur matrilineal, kuasa mamak serta tradisi sosial yang membentuk sistem hegemoni dalam masyarakat.

Selain itu, novel ini sarat dengan persoalan kuasa, konflik kelas, ketidakadilan adat, tekanan budaya terhadap watak perempuan dan perjuangan identiti lantas menjadikannya teks yang sangat sesuai untuk dianalisis menggunakan lensa hegemoni dan sosiobudaya. Justeru, pemilihan novel ini bukan sahaja signifikan dari segi akademik tetapi juga memberi ruang untuk memahami bagaimana hegemoni budaya terus beroperasi dalam masyarakat hari ini.

Kerangka teori kajian ini berasaskan pemikiran Antonio Gramsci mengenai hegemoni khususnya konsep dominasi ideologi dan persetujuan sosial yang tidak bersifat paksaan. Teori ini digunakan untuk memahami bagaimana nilai-nilai budaya dominan dalam masyarakat Minangkabau dipertahankan dan direproduksi melalui institusi sosial serta naratif sastera. Proses analisis dijalankan secara deskriptif dengan meneliti dialog, tindakan watak dan struktur konflik sebagai pengukur kepada wujudnya hegemoni budaya. Hegemoni sosiobudaya juga merujuk kepada dominasi atau kepimpinan yang dijalankan oleh satu kelompok sosial ke atas kelompok lain iaitu bukan melalui paksaan fizikal atau kekerasan tetapi melalui persetujuan sukarela (*konsensus*). Gramsci berhujah bahawa kuasa tidak hanya dipegang oleh pihak yang mengawal ekonomi atau tentera tetapi juga oleh pihak yang berjaya menyebarkan ideologi, nilai dan norma mereka sehingga diterima sebagai kebenaran oleh seluruh masyarakat. Mengikut hegemoni sosiobudaya, ideologi kumpulan dominan diserap ke dalam institusi sosial seperti keluarga, pendidikan, agama dan budaya. Akibatnya, masyarakat yang dikuasai tidak merasakan mereka sedang ditindas. Sebaliknya mereka melihat struktur kuasa yang ada sebagai sesuatu yang wajar, semula jadi bahkan bermanfaat bagi mereka. Inilah yang menjadikan hegemoni sangat berkesan kerana hegemoni berfungsi dengan cara yang tidak kelihatan dan sukar untuk ditentang.

Terdapat beberapa elemen utama hegemoni sosiobudaya. Pertama ialah dominasi ideologi ialah bukan paksaan. Hegemoni juga adalah berbeza daripada dominasi atau kekerasan. Dominasi adalah pengaruh yang menggunakan paksaan (contohnya undang-undang atau tentera) untuk mengawal. Sebaliknya hegemoni menggunakan keyakinan dan pengaruh untuk membentuk pemikiran. Ini mampu meyakinkan masyarakat bahawa cara hidup kumpulan dominan adalah yang terbaik. Seterusnya adalah institusi sebagai alat hegemoni. Hegemoni disebarkan melalui institusi sosial. Bersesuaian dengan latar masyarakat di dalam novel *TKVDW*, institusi seperti keluarga dan struktur adat bertindak sebagai agen utama hegemoni. Watak-watak seperti bapa saudara Hayati memainkan peranan sebagai intelektual tradisional yang menguatkuasakan dan menyebarkan norma-norma adat kepada generasi muda. Mereka memastikan ideologi adat terus hidup dan dipertahankan lantas menjadikan hal tersebut sebahagian daripada kehidupan seharian. Melalui aspek pembentukan identiti dan pilihan pula, hegemoni akan mempengaruhi identiti dan pilihan watak. Hayati terpaksa memilih antara cintanya kepada Zainuddin dan ketaatannya kepada keluarga dan adat. Dia akhirnya tunduk kepada adat kerana tekanan sosiobudaya yang begitu kuat. Keputusan Hayati lahir bukan datang daripada pilihan yang bebas tetapi dari sebuah sistem yang telah membentuk pemikirannya. Tragedi ini menunjukkan bahawa hegemoni boleh membunuh kebebasan individu dan membawa kepada penderitaan.

Selain itu, konsep hegemoni merujuk kepada bentuk dominasi atau kepimpinan menyeluruh yang dilaksanakan oleh sesebuah negara atau kelompok terhadap entiti lain sama ada dalam aspek politik, ekonomi mahupun budaya. Menurut Gramsci (1971), tanah gagasan dan kebudayaan merupakan sebahagian daripada superstruktur yang bukan sekadar mencerminkan struktur kelas ekonomi atau infrastruktur material tetapi turut berperanan sebagai kekuatan material yang signifikan. Justeru itu, ideologi berfungsi sebagai alat pengorganisasian sosial yang mampu mempengaruhi arah dan bentuk pergerakan masyarakat. Secara asasnya, pendekatan hegemoni digunakan untuk meneliti manifestasi politik, budaya dan ideologi dalam sesebuah masyarakat.



Rajah 1: Fungsionarisme Hegemoni Gramsci

Setiap lapisan sosial memiliki bentuk *common sense* tersendiri yang berfungsi sebagai konsepsi paling meluas tentang kehidupan manusia. Menurut Gramsci, *common sense* merupakan pandangan dunia yang bersifat menyeluruh dan meresap dalam masyarakat namun tidak tersusun secara sistematis dan berakar daripada pengalaman popular tetapi tidak membentuk suatu kerangka pemikiran yang terpadu seperti falsafah. Falsafah menjadi bentuk pemikiran intelektual yang lebih mendalam dan sistematis tidak dapat dicapai melalui agama yang bersifat kolektif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Mengikut konteks masyarakat Minangkabau, autoriti memainkan peranan dominan dalam memastikan kesinambungan dan pematuhan terhadap nilai-nilai budaya yang diamalkan. Autoriti ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang menjamin penghormatan dan kepatuhan setiap anggota masyarakat terhadap adat dan norma yang diwarisi. Berdasarkan analisis terhadap ketiga-tiga novel, autoriti yang diketengahkan oleh Hamka merujuk khusus kepada kedudukan mamak dalam sistem kekerabatan suku terutamanya dalam hal-hal berkaitan perkahwinan. Sebagaimana yang diketahui, kaum sesuku mempunyai hak untuk mencampuri urusan keluarga dan perkahwinan lalu menjadikan peranan mamak sebagai tokoh yang berkuasa dalam menentukan hala tuju institusi kekeluargaan. Hamka secara kritis menyorot fenomena ini berdasarkan pemerhatian beliau terhadap pelbagai permasalahan sosial yang timbul akibat dominasi autoriti tersebut dalam masyarakat setempat.

Novel *TKVDW* mengisahkan percintaan antara dua anak muda daripada latar sosial yang berbeza dan akhirnya terhalang kerana dianggap tidak sekuflu. Konflik ini memperlihatkan bagaimana autoriti budaya berperanan dalam menentukan sempadan sosial dan perkahwinan. Penolakan terhadap peminangan Zainuddin kepada Hayati yang disampaikan melalui mamaknya menjadi bukti kepada kuasa autoriti dalam sistem kekerabatan Minangkabau. Berdasarkan Bab Dua Belas yang bertajuk *Meminang*, Zainuddin telah menghantar sepucuk surat kepada mamak Hayati iaitu Engku Datuk sebagai usaha rasmi untuk melamar. Kandungan surat tersebut memperlihatkan harapan Zainuddin untuk menembusi batas autoriti budaya yang telah menetapkan garis pemisah antara darjat dan asal-usul. Antara isi kandungannya:

Engku yang mulia! Saya seorang anak muda yang setia. Jika sekiranya engku sudi menerima saya untuk kemenakan Engku, Engku akan beroleh kemenakan yang penyantun, yang suka berjuang dalam hidup dengan tiada mengenal bosan dan jemu...

Kabulkanlah surat saya Engku, saya tak pandai mencari jalan yang saya rasa lebih aman dan tidak mengecilkan hati lain dari mengirim surat ini.

(TKVDW, 2015: 137)

Hasrat Zainuddin untuk memperisterikan Hayati diluahkan dengan penuh keberanian namun dalam masa yang sama keluarga Hayati turut menerima lamaran daripada pihak Aziz yang disampaikan kepada Engku Datuk. Manifestasi hegemoni sosiobudaya dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (TKVDW) terserlah melalui pelbagai adegan yang memperlihatkan bagaimana adat Minangkabau mengatur susunan sosial masyarakat sehingga individu menerima keputusan yang menekan sebagai satu bentuk kewajaran. Melalui konteks Teori Hegemoni Antonio Gramsci, kuasa tidak beroperasi semata-mata melalui paksaan tetapi melalui persetujuan yang diperolehi daripada masyarakat yang telah diasuh untuk percaya bahawa aturan budaya tertentu merupakan kebenaran mutlak. Melalui lensa ini, episod musyawarah pemilihan calon suami bagi Hayati dan konflik identiti Zainuddin menjadi medan penting untuk memahami bagaimana adat Minangkabau berfungsi sebagai sistem ideologi hegemoni yang menstrukturkan kehidupan sosial.

Ketika proses ini, autoriti mamak memainkan peranan yang sangat signifikan kerana mamaklah yang menentukan kata sepakat dan keputusan akhir. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah asal-usul calon, latar pendidikan agama, latar suku serta status kekayaan Aziz (TKVDW, 2015:140–141). Adegan musyawarah peminangan yang dipimpin oleh Engku Datuk memperlihatkan kuasa adat yang telah diinstitusikan melalui autoriti mamak. Menurut Gramsci (1971), kelompok dominan menegakkan kuasa melalui struktur sosial yang diterima sebagai norma dan dalam konteks masyarakat Minangkabau, mamak bertindak sebagai agen ideologi yang menentukan hala tuju kehidupan kemenakan. Perbincangan mengenai calon suami yang menilai asal-usul suku, keturunan, kekayaan dan reputasi keluarga menggambarkan bagaimana adat mengawal pemikiran masyarakat dengan menetapkan kriteria tertentu sebagai kelayakan. Walaupun Hayati mempunyai hak untuk memilih, suaranya hampir tidak diberi ruang dalam proses penentuan jodoh. Bahkan, apabila Mak Tengah Limah menyuarakan pandangan bahawa cinta Hayati ditujukan kepada Zainuddin, suara itu segera dipatahkan dan dianggap memalukan oleh mamak Datuk Garang. Situasi ini memperlihatkan bagaimana suara kontra hegemoni wujud tetapi tidak berupaya menandingi kekuatan wacana dominan yang telah sebatikan dalam masyarakat.

Mamak juga bertanggungjawab membimbing kemenakan dari segi moral dan kebendaan termasuk mengatur urusan perkahwinan seperti lamaran, akad nikah dan majlis perkahwinan. Malangnya, peranan ayah dalam adat Minangkabau adalah terbatas dan tidak melibatkan urusan peminangan kerana tanggungjawab tersebut hanya diberikan kepada mamak. Jika berlaku kesalahan dalam kalangan kemenakan, soalan yang lazim ditanya ialah ‘siapakah mamaknya?’. Ketika proses timbang tara pemilihan calon menantu yang digambarkan dalam novel *TKVDW*, perbincangan dilakukan secara teliti dan berasaskan kriteria yang telah ditetapkan. Keputusan tidak dibuat secara tergesa-gesa atau memaksa anak gadis sebaliknya hasil perbincangan disampaikan kepada Hayati sebagai bakal pengantin. Setelah kata sepakat dicapai, Hayati dimaklumkan oleh mamak Datuk mengenai keputusan tersebut. Hayati tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa akur, sebagaimana yang ditulis oleh Hamka iaitu ‘Apakah lagi jalan yang lain yang harus dipilihnya lain daripada itu. Dia menyerah kepada takdir, terpaksa mungkir akan janjinya yang terdorong, sebagaimana kebanyakan anak-anak perempuan yang lain juga, sebab yang memutuskan janji bukan dia, hidupnya tersangkut dengan keluarganya.’ (TKVDW, 2015:147). Penggambaran Hamka bahawa Hayati ‘menyerah kepada takdir... sebab yang memutuskan janji bukan dia’ menggambarkan tahap internalisasi hegemoni yang dibincangkan Gramsci. Penundukan diri Hayati bukan sekadar hasil daripada tekanan luaran tetapi kerana kesedaran budaya telah membentuk persepsi bahawa keputusan mamak adalah hakikat yang wajib diterima. Maka, di sinilah hegemoni berfungsi dengan paling efektif apabila subjek yang tertindas menganggap penindasan sebagai sebahagian daripada kehidupan yang tidak dapat dielakkan. Novel ini memperlihatkan bahawa kekuatan adat bukan sahaja terletak pada kuasa mamak sebagai pemimpin suku tetapi juga pada penerimaan masyarakat bahawa hak menentukan hidup seorang perempuan bukan miliknya sendiri melainkan milik institusi keluarga yang dikawal oleh mamak.

Watak Zainuddin menjadi simbol kepada individu yang terpinggir akibat struktur adat yang kompleks. Oleh kerana ibunya bukan berasal daripada keturunan Minangkabau, Zainuddin dianggap sebagai orang luar meskipun ayahnya merupakan anak kepada Pandekar Sutan (seorang kemenakan kepada Datuk Mantari Labih). Pandekar Sutan merupakan satu-satunya waris yang mewarisi harta ibunya kerana ketiadaan saudara perempuan iaitu suatu keadaan yang dianggap malang dalam adat Minangkabau. Menurut adat, saudara perempuan berperanan menjaga dan mewarisi harta pusaka seperti sawah, rumah gadang dan barang-barang pusaka (TKVDW, 2015:4). Keputusan menolak Zainuddin didasarkan sepenuhnya pada kriteria adat bukan atas nilai kemanusiaan atau agama. Gramsci menyatakan bahawa hegemoni beroperasi melalui penetapan piawai yang membezakan siapa yang layak dan siapa yang tidak sehingga golongan tertentu dibezakan secara sistematik. Berdasarkan hal ini, adat Minangkabau menetapkan suku dan keturunan sebagai syarat kelayakan utama dan sesiapa yang berada di luar struktur tersebut akan sentiasa dianggap tidak sah untuk menyertai kelompok sosial yang dominan. Surat penolakan yang dihantar oleh Engku Datuk kepada Zainuddin menjadi manifestasi kekuasaan simbolik yang menegaskan jarak sosial antara kelompok dominan dan kelompok minoriti, satu bentuk kekerasan halus yang turut dibalas oleh Zainuddin dengan keinsafan bahawa Hayati juga merupakan mangsa sistem yang mengikat.

Konflik pewarisan harta yang melibatkan Pandekar Sutan dan mamaknya turut memperkukuh pembacaan hegemoni dalam novel ini. Sistem yang meletakkan kuasa waris kepada garis keturunan perempuan dan mamak sebagai penjaga harta pusaka memperlihatkan bagaimana struktur ekonomi, politik dan budaya saling berkait dalam membentuk hegemoni. Walaupun Pandekar Sutan merupakan pewaris tunggal ibunya, keputusan mengenai harta tetap bergantung pada mamaknya yang memegang autoriti adat. Penindasan yang berlaku bukan sahaja bersifat kebendaan tetapi juga simbolik kerana mamak mengambil hasil tanpa memelihara harta pusaka, sementara Pandekar Sutan tidak mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap aset yang diwarisi. Keadaan ini mencerminkan apa yang disebut Gramsci sebagai dominasi melalui institusi tradisional di mana kuasa dipertahankan melalui norma dan struktur budaya yang mengaburi ketidakadilan yang berlaku. Mamak merupakan pemimpin yang bertanggungjawab menyelesaikan segala urusan kaum termasuk hal berkaitan harta dan perkahwinan. Walaupun mamak mempunyai autoriti penuh, beliau tidak dibenarkan menyerahkan harta pusaka kepada anak kandung atau pihak luar dan segala keputusan penting harus melibatkan kemenakan kandung sebagai pewaris sah. Sebagai kemenakan di dagu, Pandekar Sutan sepatutnya menjadi individu yang mewarisi tanggungjawab mamaknya namun hubungan yang tegang dan kurang harmoni telah menggagalkan proses peralihan kuasa tersebut.

Struktur sosial masyarakat Minangkabau yang digambarkan Hamka dalam *TKVDW* memperlihatkan bagaimana Adat Perpatih berfungsi sebagai sistem budaya dominan yang mengawal hubungan sosial melalui garis keturunan ibu, pewarisan harta dan organisasi suku. Berdasarkan kerangka Gramsci, adat ini bukan sekadar aturan budaya tetapi sebuah ideologi hegemoni yang membentuk kesedaran kolektif sehingga masyarakat menerima prinsip keturunan matrilineal, larangan kahwin sesuku dan keutamaan wanita dalam pewarisan sebagai kebenaran semula jadi. Watak Zainuddin menjadi contoh jelas individu yang terpinggir akibat hegemoni tersebut meskipun memiliki hubungan darah Minang melalui ayahnya, beliau tetap dianggap orang luar kerana ibunya berketurunan Bugis. Penolakan keluarga Batipuh terhadap Zainuddin menandakan bagaimana adat membentuk norma penerimaan sosial melalui proses klasifikasi yang tegas yang menjelaskan bahawa suatu bentuk dominasi budaya yang beroperasi melalui persetujuan tidak sedar masyarakat terhadap keutamaan nasab ibu sebagai asas identiti suku.

Selain itu, Hamka menyoroti dilema Zainuddin sebagai kritik terhadap hegemoni adat yang telah sebatikan dalam masyarakat Minang sehingga ketidakadilan dianggap wajar demi mempertahankan struktur sosial. Menurut Gramsci, hegemoni mencapai keberkesanan apabila golongan tertindas turut menerima nilai dominan sebagai takdir yang tidak boleh diganggu gugat dan inilah yang berlaku dalam novel apabila Zainuddin menanggung beban penolakan tanpa mampu mencabar kerangka adat. Masyarakat yang mematuhi adat tidak melihat tindakan mereka sebagai bentuk penindasan tetapi sebagai kewajiban menjaga maruah suku. Melalui naratif ini, Hamka bukan sahaja menggambarkan struktur Adat Perpatih secara realistik tetapi turut mempersoalkan bagaimana adat yang bertujuan menjaga ketertiban sosial boleh berubah menjadi metod

pengawalan budaya. Oleh itu, konflik Zainuddin bukan sekadar pertembungan peribadi tetapi manifestasi jelas bagaimana hegemoni sosiobudaya Minangkabau mengekalkan dominasi melalui institusi adat yang diserapkan ke dalam jiwa masyarakat dari generasi ke generasi.

Situasi ini digambarkan oleh Hamka melalui reaksi nenek Zainuddin yang enggan menjemputnya tinggal bersama tanpa terlebih dahulu mendapatkan kata sepakat daripada seluruh keluarga. Penolakan ini bukan sahaja mencerminkan kekangan adat tetapi juga memperlihatkan bagaimana struktur autoriti dalam masyarakat Minangkabau boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan. Sebagai anak kepada Pandekar Sutan, Zainuddin yang berdarah Minang tetap dianggap sebagai orang luar kerana ibunya bukan berasal daripada suku Minangkabau. Konflik identiti dan penolakan sosial yang dialami oleh Zainuddin menjadi simbol kepada ketegangan antara adat dan kemanusiaan yang menjadi tema utama dalam karya Hamka.

Pada sangkanya semula jika dia datang ke Minangkabau, dia akan bertemu dengan neneknya dari ayahnya. Di sanalah dia akan memakan harta benda neneknya dengan leluasa sebagai cucu yang menyambung turunan. Padahal seketika dia datang itu, setelah dicarinya neneknya itu, ditunjukkan orang di sebuah kampung di Ladang Lawas, bertemu seorang tua di sebuah surau kecil, gelarnya Datuk Panduka Emas, dia hanya tercengan-cengan saja sambil berkata, "Oh.... Rupanya si Amin ada juga meninggalkan anak di Mengkasar.

(TKVDW, 2015: 26)

Penerimaan terhadap Zainuddin oleh neneknya di Batipuh digambarkan sebagai bersifat dingin semata-mata tanpa sebarang pelawaan untuk menetap bersama. Sejak pertemuan pertama itu, Zainuddin memilih untuk tidak lagi mengunjungi neneknya dan sebaliknya menumpang di rumah bakonya iaitu Mande Jamilah. Kehadiran Zainuddin di Batipuh mula tersebar dalam kalangan penduduk kampung dan ramai yang mengagumi keperibadian serta kesopanannya. Namun pujian terhadap budi pekerti tersebut tidak mampu mengatasi stigma asal-usul keturunan yang bukan berasal daripada suku Minangkabau. Masyarakat tetap menggelarkan Zainuddin sebagai 'orang jauh', 'orang Bugis' dan 'orang Mengkasar' yang menandakan penolakan identiti luar dalam komuniti yang berpegang teguh kepada prinsip nasab ibu (TKVDW, 2015:29).

Melalui naratif novel *TKVDW* juga, Hamka menampilkan Adat Perpatih dan struktur sosial Minangkabau sebagai satu sistem budaya yang bukan sahaja mengatur kehidupan bermasyarakat tetapi juga bertindak sebagai kuasa hegemonik yang menentukan siapa layak dan siapa tidak layak dalam ruang sosial. Penolakan peminangan Zainuddin telah membuktikan walaupun Zainuddin berakhlak baik dan berupaya memikul tanggungjawab telah menunjukkan bahawa penentu utama kelayakan bukanlah nilai moral atau keperibadian tetapi asal-usul keturunan dan kesekufuan adat. Jelaslah di sini konsep hegemoni Gramsci terjelma dengan jelas iaitu golongan dominan (dalam konteks ini struktur adat yang diwakili mamak dan ninik) berjaya menjadikan nilai-nilai mereka sebagai pegangan utuh ahli masyarakat sehingga keputusan yang menindas tetap dilihat sebagai wajar dan terhormat. Dapatan ini selari dengan Manugeren et al. (2023) dan Ardianta (2024) yang menunjukkan bahawa adat Minangkabau dalam *TKVDW* berfungsi sebagai ideologi dominan yang mengawal pilihan watak terutamanya dalam hal perkahwinan dan jodoh.

Nasihat Engku Datuk kepada Hayati supaya menolak Zainuddin dan 'jangan menggantungkan hidup pada orang yang tidak jelas asal-usulnya' memperlihatkan bagaimana wacana adat digunakan sebagai alat pengabsahan kuasa. Ungkapan bahawa adat 'masih tegak dengan teguhnya' dan 'tak boleh lapuk oleh hujan, tak boleh lekang oleh panas' menandakan bahawa adat telah diangkat ke tahap teratas, kebal daripada kritikan. Menurut Gramsci, ini ialah bentuk dominasi yang diselindungi di sebalik bahasa nilai dan maruah. Engku Datuk tidak bercakap sebagai individu semata-mata tetapi sebagai suara institusi adat yang mengukuhkan sempadan sosial antara orang yang berhak dan yang tidak berhak.

Hal ini menyokong dapatan Millatina et al. (2025) bahawa keputusan sosial dan kekeluargaan dalam novel Hamka lazimnya digerakkan oleh keperluan mempertahankan legitimasi adat walaupun mengorbankan kebahagiaan individu. Akhirnya, nasib Zainuddin dan Hayati dikorbankan demi memelihara struktur hegemoni yang memberi keutamaan kepada maruah suku dan kesekufuan status.

Musyawarah peminangan yang digambarkan dalam Bab Pertimbangan turut memperlihatkan bagaimana hegemoni dibina dan dikukuhkan melalui proses kolektif. Musyawarah yang disertai mamak-mamak Hayati diadakan di rumah gadang dengan persiapan adat yang lengkap bukan sekadar medan perbincangan neutral tetapi ‘teater hegemoni’ di mana konsensus budaya dipentaskan dan disahkan. Melalui perbincangan ini, pemilihan Aziz sebagai calon menantu berdasarkan asal-usul yang jelas, kekayaan dan kedudukan sosial mencerminkan apa yang disebut Gramsci sebagai persetujuan yang diorganisasi di mana seluruh struktur kerabat dan suku bergabung untuk mengukuhkan pilihan yang selaras dengan nilai dominan. Kajian Nofita et al. (2024) yang menonjolkan nilai kolektif dan kearifan lokal dalam masyarakat Minang serta Simbolon (2022) yang membincangkan nilai moral dan budaya dalam *TKVDW* membuktikan nilai kolektif dan kearifan lokal bukan sahaja mengikat komuniti tetapi juga menjadi saluran untuk mengesahkan syarat-syarat adat yang menindas individu seperti Zainuddin.

Pada masa yang sama, Hamka memperlihatkan sisi paradoks budaya Minangkabau iaitu semangat kekitaan, gotong-royong dan kesepaduan suku yang tinggi menjadikan masyarakat kelihatan sangat harmonis tetapi di sebalik harmoni itu tersimpan struktur kuasa yang keras dan eksklusif. Persiapan kenduri perkahwinan Hayati dan Aziz, lumbung padi yang dibuka, kerjasama kerabat dan kemeriahan majlis menampilkan wajah adat sebagai sumber perpaduan dan identiti kolektif. Namun, semua ini juga mengesahkan keputusan hegemoni yang meminggirkan Zainuddin dan memaksa Hayati memendam rasa. Kajian Saifullah (2023) yang menyorot nilai sosial dan rasa kebersamaan dalam novel ini boleh dilihat sebagai sebahagian daripada jaringan hegemoni iaitu nilai kebersamaan yang tinggi kadang kala berfungsi untuk menyenyapkan suara individu yang berbeza. Berdasarkan kerangka Gramsci, ini menunjukkan bagaimana hegemoni bukan sahaja wujud dalam wacana elit adat tetapi meresap ke dalam amalan seharian iaitu dari musyawarah hingga kenduri dan sehinggalah penindasan budaya disimpulkan dalam bentuk tradisi yang diraikan.

Tuntasnya, pengalaman psikologi Zainuddin daripada kecewa dan terpuruk kemudian bangkit membina kehidupannya sendiri boleh dikatakan sebagai proses sedar diri yang halus terhadap hegemoni adat. Pada peringkat awal, beliau menerima penolakan sebagai takdir dan menghadam rasa hina kerana ‘tidak cukup Minang’. Ini mengesahkan pemerhatian Gramsci bahawa hegemoni paling berkesan apabila golongan tertindas menerima ukuran dominan sebagai penentu nilai diri mereka sendiri. Namun, apabila Zainuddin bangkit dan berjaya di luar lingkungan adat Minangkabau, Hamka seolah-olah membuka ruang wacana jurang hegemoni yang menegaskan bahawa nilai manusia tidak harus ditentukan oleh kerangka adat yang sempit. Maka, analisis ini selari dan sekaligus memperluas dapatan kajian terdahulu yang melihat *TKVDW* sebagai teks kritik sosial dengan menegaskan bahawa kritikan tersebut secara kritis melalui pendedahan terhadap hegemoni adat yang menstrukturkan cinta, identiti dan masa depan watak-watak yang ditonjolkan.

KESIMPULAN

Konsep hegemoni budaya yang diperkenalkan oleh Antonio Gramsci merujuk kepada bentuk dominasi ideologi yang diterima secara sukarela oleh masyarakat melalui proses persetujuan sosial bukan melalui paksaan fizikal. Hegemoni ini berfungsi untuk mengekalkan kuasa kelompok dominan dengan menjadikan nilai dan norma mereka sebagai nilai kebiasaan yang tidak dipersoalkan. Mengikut konteks masyarakat Minangkabau, hegemoni budaya beroperasi melalui institusi adat, struktur kekerabatan matrilineal dan autoriti mamak yang mengawal hampir semua aspek kehidupan sosial termasuk perkahwinan, pewarisan dan identiti suku. Novel *TKVDW* karya Hamka secara kritis menyoroti bagaimana sistem budaya Minangkabau yang berasaskan Adat Perpatih telah membentuk satu struktur sosial yang hegemoni. Adat ini bukan sahaja menentukan kedudukan

individu dalam masyarakat tetapi juga menjadi penentu kepada kelayakan seseorang untuk diterima dalam institusi perkahwinan.

Watak Zainuddin menjadi simbol kepada individu yang terpinggir akibat tidak memenuhi syarat keturunan Minang di sebelah ibu meskipun beliau memiliki hubungan darah melalui ayahnya. Penolakan terhadap peminangan Zainuddin bukanlah hasil daripada penindasan fizikal tetapi lahir daripada konsensus sosial yang telah lama terbentuk dan diterima sebagai norma. Inilah manifestasi hegemoni budaya yang berfungsi secara halus tetapi berkesan dalam mengekalkan struktur kuasa dan identiti kelompok dominan. Musyawarah yang dijalankan oleh mamak-mamak Hayati dalam menentukan calon menantu memperlihatkan bagaimana autoriti budaya berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan hegemoni. Perbincangan yang tertib, penglibatan kolektif dan penekanan terhadap kesekufuan menunjukkan bahawa keputusan sosial dalam masyarakat Minangkabau tidak bersifat individu tetapi dikawal oleh struktur adat yang telah diinstitusikan. Pemilihan Aziz sebagai calon menantu yang sesuai berdasarkan asal-usul dan kekayaan memperlihatkan bagaimana nilai budaya dominan menentukan siapa yang layak dan siapa yang ditolak. Akibatnya, Zainuddin menjadi mangsa kepada sistem yang menolak unsur luar demi mempertahankan kesucian adat dan identiti suku. Hamka turut menggambarkan bagaimana semangat kekitaan dan gotong-royong dalam masyarakat Minangkabau khususnya ketika majlis perkahwinan menjadi sebahagian daripada mekanisme hegemoni.

Tradisi ini bukan sahaja memperkukuh solidariti suku tetapi juga berfungsi untuk mengekalkan struktur sosial yang sedia ada. Peranan mamak sebagai pemegang kuasa dalam suku, tanggungjawab terhadap kemenakan dan hak untuk membuat keputusan dalam urusan perkahwinan menunjukkan bahawa kuasa budaya telah diinstitusikan secara menyeluruh. Menurut Gramsci, apabila ideologi dominan diterima sebagai sebahagian daripada kehidupan harian dan tidak lagi dipersoalkan maka hegemoni telah berjaya berfungsi sepenuhnya. Namun begitu, Hamka tidak sekadar menggambarkan hegemoni ini secara deskriptif. Beliau turut mengkritik kesan negatifnya terhadap individu yang ikhlas dan luhur seperti Zainuddin. Penolakan, pengasingan sosial dan penderitaan emosi yang dialami oleh Zainuddin memperlihatkan sisi gelap hegemoni budaya yang tegas dan eksklusif. Maka, Hamka menyeru kepada pembaca untuk menilai semula nilai-nilai budaya yang diamalkan agar tidak menindas atas nama adat.

Secara keseluruhannya, hegemoni budaya dalam masyarakat Minangkabau seperti yang digambarkan dalam novel *TKVDW* memperlihatkan bagaimana struktur adat berfungsi sebagai alat ideologi yang mengawal pemikiran dan tindakan masyarakat. Ini mengekalkan status quo melalui penerimaan sosial yang tidak dipersoalkan dan dalam masa yang sama menindas individu yang tidak sesuai dengan kerangka budaya dominan. Kajian ini menunjukkan bahawa hegemoni bukan sahaja wujud dalam politik dan ekonomi tetapi juga dalam budaya dan sastera. Ini menjadikan karya Hamka sebagai medan penting untuk memahami dan mengkritik struktur kuasa dalam masyarakat tradisional.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan setulusnya kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM atas dukungan akademik yang telah menjadi tonggak kelangsungan kajian ini. Penghargaan mendalam juga ditujukan kepada atas segala kerjasama dan peluang bagi penerbitan makalah ini di dalam *Jurnal Peradaban Melayu*. Pengkaji turut menzahirkan penghargaan kepada pihak editorial *Jurnal Peradaban Melayu* atas ketelitian, kesabaran dan komitmen mereka dalam memurnikan manuskrip ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada penyelidik bersama, Profesor Dr. Azhar Wahid atas semangat kebersamaan dan sokongan yang menguatkan lagi perjalanan intelektual ini. Akhir sekali, pengkaji menzahirkan rasa syukur dan terharu atas segala bantuan yang telah menjadikan penyempurnaan kajian ini suatu pengalaman yang amat bermakna.

RUJUKAN

- Ernawita Atan, Mohd Azam Abdul Rahman, & Nurul Hidayah Mohd Yusof. (2021). Rekonstruksi Fonem Vokal Purba Bahasa Minangkabau Di Sumatera Dan Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 20(2), 45–60.
- Fitri Rosalina Harahap, & Alemina Br Perangin-Angin. (2025). Budaya Minangkabau Dalam Cerpen “Si Padang” Karya Harris Effendi Thahar: Analisis Wacana Kritis. *Jurnal Kreasi Seni dan Budaya*. (7)2, 332-338. <https://doi.org/10.30998/vh.v7i2.13384>
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the Prison Notebooks*. International Publishers.
- Hall, S. (1996). *Questions of Cultural Identity*. Sage Publications.
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. Sage Publications.
- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Lukmanulhakim, N. N. (2020). Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 1-9. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.1.2020>
- Mohd Rusli, N. F., & Massa, N. S. (2022). Konflik Jiwa Dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 8–18. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.2.2022>
- Mohd Shuhaini, N., & Wahid, A. (2020). Pengurusan Daya Intelek Kanak-Kanak melalui rangsangan imaginasi dalam Episod Cari dan Simpan Berdasarkan Prinsip Kepimpinan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 38-52. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.4.2020>
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2017). Menilai semula konsep Hegemoni dalam budaya politik Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(2), 64-78.
- Ramli, H. (2024). Elemen sosial budaya menerusi karya Lukisan Batik oleh Yusoff Ab-dullah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 62–68. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.6.2024>
- Shamsul Azri Mohd Radzi, & Jaafar, F. (2025). Hegemoni dan rintangan: institusionalisasi kesatuan sekerja di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3, 175–194. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.11>
- Ardianta, S. (2024). Hegemoni adat Minangkabau dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka. *ESTETIK: Jurnal Bahasa Indonesia*, 7(2), 131–142. <https://doi.org/10.29240/estetik.v7i2.9790>
- Fina Refira. (2023). *Analisis Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Buya Hamka: Kajian Fenomenologi*. Skripsi, IAIN Curup.
- Manugeren, M., Priandana, P., & Suhadi, J. (2023). Hegemony in Hamka’s Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *Journal of Language*, 5(1), 1–10. <https://doi.org/10.30743/jol.v5i1.6934>
- Millatina, Z., Sa’diyah, L., Hermawan, A., & Hadi, S. (2025). Kritik sosial dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Hamka: Kajian Sosiologi Sastra. *DEIKSIS*, 17(2), 229–246. <http://dx.doi.org/10.30998/deiksis.v17i2.24573>
- Nofita, R., Puspitasari, A., Yuvindra, B. Y., & Krismonita, F. Y. (2024). Analisis nilai-nilai kearifan lokal dari segi unsur budaya dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *Kibas Cenderawasih: Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 21(1), 29–37. <https://doi.org/10.26499/kc.v21i1.419>
- Saifullah, S. (2023). Nilai Sosial Dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Karya Hamka. *Jurnal Cakrawala*, 12(1), 45–56. <https://doi.org/10.55678/jci.v8i2.1000>
- Simbolon, D. R. (2022). Analisis nilai-nilai religius, moral dan budaya pada novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka. *BASATAKA: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(2), 88–104. <https://doi.org/10.36277/basataka.v5i1.147>